



ISTANA BUDAYA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

NOTIS SEBUT HARGA

KERJA-KERJA BAIK PULIH DINDING KAYU DAN BINAAN KAYU SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PANGGUNG SARI, BANGUNAN PANGGUNG, ISTANA BUDAYA BAGI TEMPOH 12 MINGGU

SEBUT HARGA ISTANA BUDAYA : SH/IB/400-10/08/SH 15-2024

1. PELAWAAN

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **tempatan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur** yang berdaftar dengan:

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); Sijil Taraf Bumiputera (STB); Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK); GRED G2; KATEGORI B; PENGKHUSUSAN B03 (Pemulihan Dan Pemuliharaan)

2. TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Kontraktor adalah **diwajibkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak pada 4 Julai 2024 (Khamis) jam 2.30 petang.**

Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Bilik Seri Nilam, Bangunan Panggung, Istana Budaya** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

Sila bawa sijil PPK asal, sijil STB asal dan sijil SPKK asal berserta satu salinan setiap sijil; Hanya penama yang tercatat dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak ini.

Taklimat sebut harga akan hanya diadakan sekali sahaja.

3. PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA


Sijil Lawatan Tapak, Borang Sebut Harga dan muka depan Dokumen Sebut Harga akan diberikan selepas tamat lawatan tapak.

Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan secara *softcopy* melalui e-mel rasmi syarikat yang aktif sahaja (e-mel persendirian tidak dibenarkan) kepada Kontraktor yang sah bermula dari tarikh **4 hingga 5 Julai 2024**. Kontraktor perlu memuat turun dan mencetak keseluruhan dokumen sebut harga tersebut serta melengkapkan segala maklumat yang berkaitan termasuk Borang Sebut Harga Kerja dan muka depan Dokumen Sebut Harga yang dikeluarkan dalam bentuk *hardcopy*.

4. TARIKH DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap dan dipastikan teratur hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari**, pada tarikh tutup Sebut Harga **10 Julai 2024 (Rabu)**.

Tandatangan : _____
Nama Penandatangan : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____


28.6.2024

SYAHRULAZAM BIN SAINAN
Pegawai Teknikal
Bahagian Teknikal
b.p. Ketua Pengarah
ISTANA BUDAYA
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Malaysia